

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA (B) MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID
(LUMUT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2014

Y.B. LAKSAMANA PERTAMA (B) MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
[LUMUT] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah
Kementerian bercadang mengecualikan Warga Tentera daripada
mengemukakan cukai pendapatan memandangkan Kerajaan telah gagal
menunaikan janji untuk menawarkan tanah seluas 20 ekar dan dua (2) lot
tapak rumah mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera 1973. Wajarlah
Perintah Majlis Angkatan Tentera 1973 dimansuhkan sekiranya Kerajaan
tidak berhajat melaksanakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin kepada kebijakan Warga tentera bagi membantu kesejahteraan mereka dalam menangani tekanan kos sara hidup terutamanya kepada Warga bekas tentera. Dengan itu, salah satu kemudahan yang layak dipertimbangkan kepada bekas tentera adalah permohonan untuk memperolehi tapak rumah yang perlu dikemukakan kepada Kementerian Pertahanan menurut Perintah Majlis Angkatan Tentera 1973.

2. Kementerian Kewangan difahamkan bahawa Perintah Majlis Angkatan Tentera 1973 tersebut masih berkuatkuasa dan diguna pakai sehingga sekarang. Dengan itu, mana-mana Warga bekas tentera bolehlah mengemukakan permohonan tapak rumah kepada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan setelah mendapatkan sokongan daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia. Bidang kuasa untuk memberi kelulusan ke atas permohonan tersebut adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan berdasarkan asas pertimbangan tertentu. Sehubungan dengan itu, kemudahan tapak rumah kepada Warga bekas tentera adalah

suatu bentuk kemudahan yang tersendiri dan tidak wajar dikaitkan dengan cadangan untuk mengecualikan cukai pendapatan kepada Warga tentera.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Warga bekas tentera yang berpencen apabila mencapai usia 55 tahun atau mencapai usia persaraan wajib yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan yang diperakukan atas masalah kesihatan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas pencen yang diterima daripada perkhidmatan dengan Kerajaan Malaysia. Dengan itu, Warga bekas tentera adalah tidak menanggung apa-apa cukai pendapatan sekiranya beliau hanya memperolehi pendapatan pencen semata-mata. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan berpandangan bahawa cadangan untuk mengecualikan mana-mana Warga tentera daripada mengemukakan cukai pendapatan adalah tidak berbangkit. Ini kerana layanan cukai pendapatan hendaklah menurut prinsip keadilan, kesaksamaan dan struktur cukai yang progresif kepada semua individu yang mempunyai sumber pendapatan. Pendekatan untuk mengenakan cukai pendapatan secara saksama dan menyeluruh tanpa membuat

pembezaan berdasarkan jenis-jenis perkhidmatan tertentu adalah wajar bagi memastikan negara mendapat sumber kewangan yang diperlukan untuk pembangunan negara secara mampan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meningkatkan prestasi Ahli-ahli Parlimen. Jika ya, mengapakah peruntukan RM15,000 sebulan untuk membiayai gaji 4 orang pembantu dan kos pejabat di kawasan masih belum diamalkan.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sentiasa komited untuk meningkatkan prestasi Ahli-ahli Parlimen. Antara program-program untuk meningkatkan prestasi Ahli-ahli Parlimen adalah usaha berterusan kerajaan memberikan peruntukan yang mencukupi bagi Ahli-ahli Parlimen sekalian menghadiri persidangan-persidangan anjuran persatuan dan pertubuhan Parlimen antarabangsa bagi memberi pengalaman, pengetahuan, pendedahan dan juga peluang bertukar fikiran disamping mengujudkan rangkaian perhubungan dengan Ahli-ahli Parlimen dari seluruh dunia.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Behormat, kemudahan-kemudahan Ahli-ahli Parlimen adalah termaktub di dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 iaitu Akta 237 dan juga Kertas Statut 235 Tahun 1983. Tiada sebarang peraturan yang menyebut mengenai peruntukan RM15,000.00 sebulan untuk membayai gaji 4 orang pembantu dan kos pejabat di kawasan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Walaubagaimanapun, sebagaimana yang telah disebut di awal tadi kerajaan sentiasa komited dan akan sentiasa mengkaji keperluan-keperluan Ahli-ahli Parlimen sebagai usaha meningkatkan prestasi mereka.

Sekian. Terima kasih.